



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 26 MAC 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>96 PERATUS PESERTA KURSUS PERKAHWINAN DALAM KATEGORI 'HANGAT DAN MEMBARA'</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200957/96-peratus-peserta-kursus-perkahwinan-dalam-kategori-hangat-dan-membara">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200957/96-peratus-peserta-kursus-perkahwinan-dalam-kategori-hangat-dan-membara</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1376846/96-peratus-pasangan-ikuti-kursus-pasca-perkahwinan-dikategorikan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1376846/96-peratus-pasangan-ikuti-kursus-pasca-perkahwinan-dikategorikan</a>	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>39 PESERTA IKUTI KURSUS KECERGASAN SEMPENA HARI WANITA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/25/39-peserta-ikuti-kursus-kecergasan-sempena-hari-wanita">https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/25/39-peserta-ikuti-kursus-kecergasan-sempena-hari-wanita</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>SERIAN WELFARE DEPT FINALISING AID DISTRIBUTION FOR FLOOD VICTIMS</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.sarawaktribune.com/serian-welfare-dept-finalising-aid-distribution-for-flood-victims/">https://www.sarawaktribune.com/serian-welfare-dept-finalising-aid-distribution-for-flood-victims/</a>	SARAWAKTRIBUNE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>DUA TAHUN TUNGGU PEMBEDAHAN MATA ISTERI - PAK CIK PETAI</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200825/dua-tahun-tunggu-pembedahan-mata-isteri-pak-cik-petai">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1200825/dua-tahun-tunggu-pembedahan-mata-isteri-pak-cik-petai</a>	HMETRO.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>AGC FILES APPEAL AGAINST RM6,000 FINE IN CHILD SEXUAL EXPLOITATION CASE</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/25/agc-files-appeal-against-rm6000-fine-in-child-sexual-exploitation-case">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/25/agc-files-appeal-against-rm6000-fine-in-child-sexual-exploitation-case</a>	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>4 INDIVIDU DIREKOD KETERANGAN MAYAT BAYI TERLANGKUP MANGKUK TANDAS</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/25/4-individu-direkod-keterangan-mayat-bayi-terlangkup-mangkuk-tandas/">https://www.kosmo.com.my/2025/03/25/4-individu-direkod-keterangan-mayat-bayi-terlangkup-mangkuk-tandas/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/bayi-dalam-mangkuk-tandas-polis-rekod-keterangan-empat-individu/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/bayi-dalam-mangkuk-tandas-polis-rekod-keterangan-empat-individu/</a>	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>DIDAKWA CABUL ANAK PEREMPUAN BERUSIA 4 TAHUN, LELAKI DIDAKWA DI MAHKAMAH</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1376865/didakwa-cabul-anak-perempuan-berusia-4-tahun-lelaki-didakwa-di-mahkamah">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1376865/didakwa-cabul-anak-perempuan-berusia-4-tahun-lelaki-didakwa-di-mahkamah</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/719612/berita/semasa/bapa-didakwa-cabul-anak-kandung">https://www.sinarharian.com.my/article/719612/berita/semasa/bapa-didakwa-cabul-anak-kandung</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/bapa-mengaku-tidak-bersalah-cabul-anak-kandung/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/bapa-mengaku-tidak-bersalah-cabul-anak-kandung/</a>	UTUSAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## 96 peratus peserta kursus perkahwinan dalam kategori 'hangat dan membara'

Saadiah temall  
Saadiah\_ismall@bh.com.my



DATUK Dr Sirajuddin Suhaimee.

Kuala Lumpur: Kira-kira 96 peratus peserta yang hadir pada kursus pasca perkahwinan sejak ia dianjurkan bermula 2016, berada dalam kategori 'hangat dan membara' iaitu skor antara lapan hingga 10 selepas menjalani kursus itu.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee berkata, selepas tiga bulan peserta menghadiri kursus ini, secara keseluruhannya ia berjaya memberikan perubahan positif kepada kehidupan berkeluarga meliputi banyak aspek.

Katanya, tinjauan dilakukan melalui Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti yang bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Katanya, perubahan aspek itu merangkumi pengurusan kesihatan, pengurusan kewangan, hubungan dengan pasangan, komunikasi dan amalan ibadah dalam keluarga.

"Justeru kursus ini memang amat digalakkan bagi pasangan yang berumah tangga kerana mereka perlu memiliki ilmu kekeluargaan dan keibubapaan di samping mempunyai minda yang bersedia untuk menjalankan tanggungjawab dan melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi.

"Ini supaya dapat membentuk keluarga mengikut acuan yang baik dan peranan lelaki Qawwam juga perlu difahami dan dihayati supaya semua pihak dapat melaksanakan peranan masing-masing berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah.

"Selain itu, kursus ini membantu dalam menyemarakkan kembali kemesraan dan kasih sayang terutama bagi mereka yang sudah lama mendirikan rumah tangga serta membantu pasangan yang mempunyai konflik supaya dapat memperbaiki hubungan dan melahirkan keluarga yang bahagia dunia akhirat," katanya kepada BH, di sini, hari ini.

Kursus pasca perkahwinan Islam sudah dilaksanakan pada 2016 anjuran Jabatan Agama Islam Negeri (Jain) dan sehingga kini pelaksanaan kursus ini mendapat sambutan di semua negeri anjuran Jain, kementerian dan agensi.

Sehingga tahun 2024, seramai 3,800 pasangan suami isteri sudah menyertainya.

Sirajuddin berkata, setiap pasangan yang berumah tangga sudah pasti melalui pasang surut kehidupan, lebih-lebih lagi mereka yang baru berkahwin, justeru usia perkahwinan di bawah lima tahun amat digalakkan untuk menyertai kursus Fasa Bulan Madu.

"Terdapat empat fasa perkahwinan di dalam kursus ini iaitu Fasa Bulan Madu (0 hingga lima tahun), Fasa Sehati Sejiwa (enam hingga 10 tahun), Fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun) dan Fasa Syurga Cinta (21 tahun ke atas).

"Jadi pelbagai aktiviti dan slot disediakan untuk peserta antaranya ceramah berkaitan pengurusan kesihatan keluarga, pengurusan kewangan keluarga, motivasi dan pengurusan psikologi serta pengurusan stres melalui ibadah dalam rumah tangga.

"Selain itu, turut diadakan aktiviti interaktif suami isteri dan qiamullail, oleh itu JAIN dan agensi selaku pelaksana kepada kursus ini sentiasa membuka peluang program ini kepada masyarakat luar," katanya.

Jelasnya, walaupun kursus ini belum diwajibkan atas beberapa sebab, Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk ke-26 sudah membuat keputusan supaya setiap Jain menjadikan kursus ini sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) untuk dilaksanakan setiap tahun.

Sementara itu, Perunding Psikologi Keluarga dan Guaman Syarie, Suzana Ghazali berkata, berdasarkan pengalamannya dalam bidang psikologi keluarga dan guaman syarie, kebanyakan lelaki berkahwin tidak mengikut syariat Islam iaitu menjadi penjaga kepada isterinya.

"Saya berani katakan bahawa ramai lelaki yang berkahwin untuk dijaga oleh isteri, berbeza dengan hikmah perkahwinan menurut syariat, yang berkemungkinan disebabkan tradisi kita sendiri, menggesa anak lelaki untuk berkahwin supaya ada yang menjaga keperluan hariannya.

"Sedangkan dalam Islam, isteri bukan orang gaji dan realiti hari ini, ramai isteri yang menyara diri sendiri dan dalam masa yang sama perlu melayan segala keperluan suami," katanya.

Disiarkan pada: Mac 25, 2025 @ 5:23pm

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## 39 peserta ikuti kursus kecergasan sempena Hari Wanita

© March 25, 2025, Selasa - 2:14pm



Peserta mengikuti kursus anjuran MEFA Fit Sport Event Management di Swan Square, baru-baru ini.

SIBU: Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, bangsa dan agama telah mengikuti Kursus Sihat Cergas Sempena Hari Wanita anjuran MEFA Fit Sport Event Management di Swan Square, baru-baru ini.

Program tersebut yang menekankan aspek kesihatan kecergasan, ditaja sepenuhnya oleh Ahli Parlimen SibU Oscar Ling Chai Yew.

Ling dalam ucapannya menyeru rakyat agar terus memperjuangkan hak dan martabat wanita dengan memberi ruang serta peluang yang adil dalam semua aspek kehidupan.

Beliau turut mengucapkan Selamat Hari Wanita kepada semua golongan wanita di negara ini sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia yang disambut setiap 8 Mac.

Antara pengisian program termasuk slot pemakanan sihat yang disampaikan oleh pegawai dietetik Hospital SibU Rosmawati Mohd Azizan, manakala maklumat pengambilan ubat-ubatan yang betul semasa bulan Ramadan disampaikan oleh Sia Wei Wei.

Untuk slot kecergasan pula, jurulatih kecergasan Coach Marcilla Mohamad berkongsi serba sedikit berkenaan kecergasan wanita dan slot perkongsian menjana pendapatan dari rumah oleh Yuzsmeera Ali Hassan.

MEFA Fit Sport Event Management sangat berpuasa hati dengan sokongan padu penaja yang menekankan hak-hak dan kepentingan wanita seperti slogan 'Daripada Wanita Kepada Wanita'.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Serian welfare dept finalising aid distribution for flood victims

📍 Nura V Loma 📍 Sarawak News 📅 25 March 2025 ⌚ 4 hours ago



John (third left) presents flood relief assistance to a recipient. Photo: Ukas

**SERIAN:** The Serian District Welfare Department (JKM) is finalising the list of flood victims in Bukit Semuja to ensure that financial aid reaches those who truly need it, says Bukit Semuja assemblyman John Ilus.

He assured that eligible household heads (KIR) will receive a one-off cash aid of RM1,000, as announced by Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof.

Fadillah had earlier stated that the aid is part of the federal government's commitment to easing the burden of flood victims.

During a symbolic handover of flood relief assistance today (Mar 25), John said the government is committed to ensuring the aid reaches those in need.

As part of immediate support, 74 families affected by the floods in late January also received mattresses and pillows to help ease their recovery.

The aid was distributed across three key locations – 31 families from Kampung Sorak Melayu Hulu, previously housed at the PPS in SK Pengkalan Sorak; 18 families in Kampung Tebakang Dayak; and 25 families in Kampung Tebakang Melayu.

This assistance is part of ongoing efforts to reduce the burden of flood victims and help them rebuild their lives post-disaster.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Dua tahun tunggu pembedahan mata isteri - Pak Cik Petai

Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my



PAK Cik Petai atau Mohd Noor Saad, 67 menemani isterinya, Astiah Yaakob, 63, ketika memeriksa mata dan mendengar keterangan daripada doktor pakar Columbia Asia Hospital, hari ini. FOTO AHMAD HASBI

Seremban: Selepas kira-kira dua tahun tertangguh akibat kesempitan hidup, isteri kepada 'Pak Cik Petai' akhirnya dapat menjalani pembedahan mata secara percuma bulan depan.

Ia menjadi berita gembira buat Mohd Noor Saad, 67, serta isterinya, Astiah Yaakob, 63, dan menganggap kejadian yang tular sebelum ini mempunyai hikmah tersendiri.

Mohd Noor berkata, dia mengucapkan terima kasih kepada pihak media dan beberapa hospital swasta yang mahu membantu isterinya membuat pembedahan mata secara percuma.

"Kami ini orang susah, saya kerja kampung saja dengan penyakit darah tinggi dan usia begini untuk cari sesuap nasi masih stabil. Saya dapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM500 sebulan untuk belanja harian.

"Lama saya tunggu detik ini sebab sebelum ini kumpul duit lama-lama, namun tidak kesampaian. Hari ini ada pihak yang mahu bantu, saya bersyukur sangat," katanya.

Mohd Noor berkata demikian ketika ditemui selepas isterinya melakukan pemeriksaan mata di Hospital Columbia Asia, di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Columbia Asia Hospital Seremban, Alice Chong.

Sementara itu, Astiah berkata, setiap kali selepas solat, dia akan berdoa agar dimudahkan rezeki dan dapat menjalani pembedahan mata kerana deria sebelah kanan itu sudah tidak berfungsi akibat katarak.

"Sebelum ini, saya ada buat pembedahan mata sebelah kiri kira-kira enam tahun lalu, namun mata sebelah kanan pula mula kabur sekitar dua tahun lalu sebelum tidak nampak langsung.

"Memang hanya bergantung kepada mata kiri sepenuhnya untuk mengaji, berjalan dan sebagainya. Doktor bagi cadangan untuk buat pembedahan, namun kami asyik tangguhkan kerana tidak cukup duit," katanya.

Dalam pada itu, anaknya, Siti Nor Hidayu, 30, berkata terdapat empat hospital swasta yang menghubungi keluarganya termasuk di ibu negara yang menawarkan bantuan berkenaan.

"Saya memilih Hospital Columbia kerana paling senang dan mudah. Kami kena ambil kira kos pengangkutan dan sebagainya," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## **AGC files appeal against RM6,000 fine in child sexual exploitation case**

KUALA LUMPUR: The Attorney General's Chambers (AGC) has filed a notice of appeal against the Muar Sessions Court's decision to fine a man RM6,000 for possessing sexually exploitative material involving his 15-year-old stepdaughter.

In a statement on Tuesday (March 25), the AGC said it filed the appeal against the sentencing of the 56-year-old accused, who pleaded guilty under Section 10 of the Sexual Offences Against Children Act 2017 for possessing child sexual exploitation material, including 18 nude video recordings and several nude photographs of the victim.

"After reviewing the Sessions Court's decision, the AGC has filed a notice of appeal against the fine imposed on the offender.

"Section 10 of the Act prescribes a maximum penalty of five years' imprisonment, a fine of up to RM10,000, or both," the AGC said.

On March 19, the Muar Sessions Court sentenced the accused, a cleaner, to a fine of RM6,000 in default six months' jail after he pleaded guilty to possessing the recordings and images of his stepdaughter.

Last week, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said a heavier penalty should have been imposed on the offender.

"His behaviour and act of recording her are sickening.

"As a stepfather who should be the protector of his family members, he has behaved this way instead," Nancy said in a statement on Friday (March 21). – Bernama

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## 4 individu direkod keterangan mayat bayi terlangkup mangkuk tandas

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED 25 Mac 2025, 3:58 pm



GAMBAR HIASAN

SABAK BERNAM – Polis merekodkan keterangan empat individu berkaitan penemuan mayat bayi dalam mangkuk tandas di sebuah stesen minyak di Sungai Haji Dorani di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Md. Yusof Ahmad berkata, kesemua individu itu telah diambil keterangan bagi membantu siasatan kes berkenaan.

“Sehingga kini empat orang (rekod keterangan) dan tiada tangkapan dilakukan setakat ini dengan polis dalam tindakan mengesan suspek wanita itu,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Tambah beliau, kes itu masih disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan dengan sebarang perkembangan terbaharu kes itu akan dimaklumkan kepada pihak media.

“Justeru, mana-mana saksi yang mempunyai maklumat supaya menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Nor Aimi Iyana Mohd. Khairani di talian 018-2510452 atau balai polis berdekatan,” katanya.

Terdahulu, Kosmo! melaporkan mayat seorang bayi ditemui dalam keadaan terlangkup dalam mangkuk tandas wanita di sebuah stesen minyak. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Didakwa cabul anak perempuan berusia 4 tahun, lelaki didakwa di mahkamah

Oleh Suraya Roslan - Mac 25, 2025 @ 5:01pm  
bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Seorang baka didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak perempuan kandungnya berusia empat tahun di sebuah kondominium di Brickfields, awal bulan ini.

Bagaimanapun, tertuduh berusia 34 tahun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Mohd Kaffi Che Ali.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan amang seksual fizikal ke atas anak perempuannya berusia empat tahun enam bulan bagi tujuan seksual.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah unit kondominium di Jalan Gembira, Brickfields, dekat sini antara jam 9.30 malam hingga jam 5.30 pagi pada 4 hingga 5 Mac lalu dan sabit kesalahan boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan sebatan bagi kesalahan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Sesual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Bagi kesalahan mengikut Seksyen 16(1) akta sama, dia boleh dihukum penjara maksimum lima tahun dan sebatan tidak kurang daripada dua sebatan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Atiqa Nazihah Azmi memohon jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan supaya tertuduh tidak mengganggu mangsa serta ibunya yang juga pengadu dan perlu melapor diri di balai polis berdekatan sebulan sekali.

Bagaimanapun, peguam Chong Seng Ming yang mewakili tertuduh merayu jaminan dikurangkan dengan mengambil kira penjamin yang juga bapa tertuduh hanya seorang pesara.

"Ayah tertuduh datang dari Sungai Petani, Kedah dan beraku janji selepas anaknya dijamin hari ini akan membawa pulang dan mengawasinya untuk tidak mendekati mangsa serta pengadu," katanya.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Mohd Kaffi membenarkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan dimohon pendakwaan serta menetapkan 16 Mei untuk sebutan semula kes.